

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dapatkah Kementerian menghantar sebuah pasukan untuk membuat kajian lanjut tentang Lumpur Berbuak yang mana cuma satu-satunya terdapat di Malaysia dan juga seterusnya mempromosi tempat tersebut untuk pelancong-pelancong asing dan tempatan.

115

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Segmen ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang akan diberi keutamaan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam membangunkan dan mempromosikan sektor pelancongan di negara ini. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Kementerian telah merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangunkan dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan.

Bagi pembangunan produk ekopelancongan di Lumpur Berbuak, Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk menaiktarafkan produk pelancongan tersebut di Bahagian Limbang dibawah peruntukan RMKe-10. Jika ada keperluan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga akan menghubungi Jabatan Geosains dan Mineral serta jabatan berkaitan untuk melawat dan membuat kajian terhadap kandungan lumpur di dalam projek tersebut.

Sekian, terima kasih.